

Identiti Seni Bina di Malaysia


SENI BINA DI MALAYSIA TELAH MENGALAMI PERUBAHAN AKIBAT DARIPADA PENGARUH PENJAJAH DAN HAL TERSEBUT JELAS TERLIHAT MELALUI REKA BENTUK DI KOTA ATAU DI LUAR BANDAR. PIHAK PENJAJAH TELAH MEMBAWA MASUK BAHAN BINAAN DAN TEKNOLOGI DARI ENGLAND DAN EROPAH MISALNYA, BAGI MENGGANTIKAN BAHAN BINAAN TEMPATAN SEPerti ATAP GENTING, TIANG DAN DINDING BATU YANG SEKALI GUS MEMBERIKAN WAJAH BAHARU KEPADA SENI BINA TEMPATAN. PERKARA INI TELAH MEMBANGKITKAN KESEDARAN TENTANG IDENTITI MALAYSIA YANG SEMAKIN LENYAP DEK HILANGNYA ELEMEN WATAN DALAM SENI BINA.

Walaupun krisis identiti ini sudah acap kali dibincangkan selepas mencapai kemerdekaan, namun penyelesaian ke arah pencarian identiti kebangsaan masih samar. Pelbagai sebab menjadi punca permasalahan ini namun faktor utama krisis identiti tersebut adalah disebabkan kekurangan pendedahan dan kefahaman dalam kalangan masyarakat terutama golongan profesional tentang maksud sebenar identiti Malaysia itu sendiri. Jika golongan profesional tidak memahaminya, bagaimanakah kita dapat mengharapkan masyarakat untuk menerima, memahami dan memperjuangkannya.

Oleh hal yang demikian, langkah pertama yang perlu

diberikan perhatian adalah dengan menoleh semula ke belakang untuk mengkaji dan memahami maksud seni bina warisan. Kita juga boleh merujuk pendekatan yang telah diambil oleh masyarakat Melayu terdahulu bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan iklim dan persekitaran di Malaysia untuk dijadikan sebagai panduan. Keperluan memahami seni bina warisan merupakan kunci bagi menangani krisis identiti masa ini kerana rumah warisan merupakan seni bina terbaik yang benar-benar memiliki sifat sezaman dan jiwa setempat yang begitu sesuai dengan keperluan teknologi, budaya dan ekonomi.

Merujuk seni bina rumah warisan, reka bentuk rumah dibina berdasarkan keperluan dan kesesuaian sekeliling yang mengambil kira faktor persekitaran, cuaca, topografi dan budaya. Sekiranya empat faktor ini tidak terkait, maka hal tersebut akan menyumbang kepada kecacatan dalam reka bentuk seni bina, malah menjurus kepada masalah identiti. Jika dilihat kepada empat elemen tersebut, terdapat perbandingan yang boleh dibuat tentang reka bentuk seni bina dahulu dengan



Penggunaan bumbung cerun pada rumah warisan (kiri) dan penggunaan bumbung rata pada rumah moden (kanan).



Penggunaan bahan semula jadi dan reka bentuk berongga pada rumah warisan (kiri) dan penggunaan bahan yang memerangkap haba pada rumah moden (kanan).

sekarang untuk dijadikan panduan dan iktibar.

IKLIM

Iklim merupakan elemen yang mempengaruhi reka bentuk bumbung sesebuah seni bina. Malaysia yang mengalami iklim panas dan lembap sepanjang tahun akan mendorong arkitek untuk mereka bentuk rumah yang sesuai. Disebabkan faktor iklim ini juga, terhasilnya reka bentuk lantai jarang, dinding dan kekisi berongga, telaga udara, serta tingkap yang banyak dan luas untuk pengaliran udara.

Pada zaman dahulu, rumah warisan akan menggunakan bumbung curam yang membolehkan pengaliran air hujan dengan cepat dan membenarkan laluan angin untuk penyejukan rumah. Unjuran cucur yang lebar digunakan bertujuan untuk menangkis sinaran langsung cahaya matahari daripada mengenai dinding serta memberikan

perlindungan kepada dinding dan bukaannya daripada tempias hujan.

Seni bina ini berbeza daripada bumbung pada era kini yang banyak menggunakan bumbung rata berunjuran pendek. Pendekatan ini tidak sesuai dengan iklim di Malaysia yang mempunyai taburan hujan yang tinggi sepanjang tahun. Penggunaan bumbung rata dengan kecerunan yang terlalu sedikit ini menyebabkan pengaliran air hujan yang perlahan sehingga menyebabkan berlaku takungan dan kebocoran. Penggunaan bumbung yang rata juga mengakibatkan kepanasan di dalam sesebuah ruang kerana tiadanya pengaliran keluar masuk udara seperti rumah warisan.

PRODUK TEMPATAN

Elemen kedua ialah bahan setempat untuk membina rumah warisan. Pada zaman dahulu, pereka banyak menggunakan bahan yang dekat dengan persekitaran seperti kayu, buluh, tanah liat dan daun rumbia. Bahan tersebut merupakan penebat semula jadi terhadap kepanasan kerana tidak menyerap haba walaupun pada waktu panas. Reka bentuk rumah warisan dahulu menggunakan anyaman buluh untuk dinding, tingkap dan pintu kayu, atap bumbung daripada daun nipah malahan tanah liat yang dipanggil sebagai singgora yang dapat mengekalkan keselesaan kepada penghuni.

Namun begitu, rumah yang dibina pada ketika ini banyak

Merujuk seni bina rumah warisan, reka bentuk rumah dibina berdasarkan keperluan dan kesesuaian sekeliling yang mengambil kira faktor persekitaran, cuaca, topografi dan budaya. Sekiranya empat faktor ini tidak terkait, maka hal tersebut akan menyumbang kepada kecacatan dalam reka bentuk seni bina, malah menjurus kepada masalah identiti.

menggunakan bahan seperti dinding konkrit, kaca dan besi yang memerangkap haba. Bahan seperti ini lebih sesuai untuk iklim Barat yang sejuk. Penggunaan bahan tersebut di Malaysia menyebabkan ketidakelesaan kepada penghuni kerana membenarkan cahaya matahari masuk secara terus dan mengakibatkan bahang terperangkap di dalam sesebuah ruang. Penghuni biasanya akan memasang lapisan gelap pada tingkap kaca untuk menahan sinaran matahari serta penggunaan pendingin hawa untuk menyejukkan ruang.

TOPOGRAFI

Faktor ketiga ialah topografi. Malaysia sememangnya terkenal dengan keadaan muka bumi yang pelbagai. Rumah warisan dahulu juga dibina mengikut topografi. Sebagai contoh, jika kawasan tersebut mempunyai sungai, maka rumah yang dibina





Reka bentuk rumah berpanggung pada rumah warisan (kiri) dan reka bentuk rumah atas tanah pada rumah moden (kanan).

haruslah berpanggung tinggi untuk mengelakkan air banjir memasuki rumah. Jika topografi kawasan tersebut bergunung-ganang atau di persekitaran hutan, maka seni bina yang didirikan juga berpanggung untuk mengelakkan binatang berbisa seperti ular dan kala jengking daripada masuk ke dalam rumah.

Terdapat juga rumah yang dibina dengan tiang bersaiz besar untuk mengelak daripada haiwan liar seperti gajah. Haiwan ini selalunya akan menyusur di bawah rumah. Semuanya direka bentuk mengikut kesesuaian persekitaran.

BUDAYA

Pengaruh budaya terhadap rumah warisan pada zaman dahulu dibina

mengikut budaya dan amalan hidup masyarakat setempat. Jika diteliti, setiap rumah warisan di Malaysia pasti mempunyai anjung, serambi dan dapur. Anjung berfungsi sebagai ruang untuk perbincangan dan berehat. Serambi pula sebagai ruang untuk perbincangan, berehat dan tempat tidur kaum lelaki, manakala dapur berfungsi sebagai ruang memasak dan kawasan untuk wanita.

Selain itu, didapati bahawa rumah warisan dahulu sinonim dengan reka bentuk rumah berpanggung yang terdapat ruang di bawahnya. Ruang berpanggung berfungsi untuk melancarkan pengaliran udara, mengelakkan binatang berbisa dan juga banjir. Ruang bawah ini juga digunakan

untuk aktiviti harian seperti bermain congkak, mengait jala, berehat, memasak dan juga sebagai teduhan untuk binatang peliharaan seperti angsa, ayam dan itik.

Maka itu, ruang tersebut diwujudkan bersesuaian dengan amalan dan cara hidup masyarakat pada waktu itu. Namun begitu, seni bina rumah kini kelihatan lebih pasif disebabkan aktiviti sosial yang semakin hilang. Tiadanya ruang sosial sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah kemurungan dalam kalangan penghuni kerana tiadanya tempat untuk melakukan aktiviti santai.

Oleh hal yang demikian, sebagai masyarakat kita perlu menyedari dan memahami falsafah seni




Antara aktiviti yang dijalankan di bawah ruang bawah rumah warisan (kiri) dan ruang yang kecil serta kurang sesuai untuk aktiviti harian pada bahagian luar rumah moden (kanan).

bina tradisional berdasarkan empat faktor yang dinyatakan tersebut. Namun begitu, dalam mengaplikasikan semula semua elemen warisan, kita perlulah melihat kesesuaiannya kerana kita tidak mahu hasil yang bersifat kosmetik. Walaupun demikian, penyesuaian terhadap kehidupan dan amalan budaya masyarakat serta bahan dan teknologi juga perlu diambil kira kerana terdapat ketidaksesuaian dan kesukaran mendapatkan bahan seperti kayu disebabkan harganya yang tinggi.

Isu utama bukanlah berkaitan dengan bahan mentah tetapi pengajaran yang boleh diambil di sebalik empat faktor tersebut. Berdasarkan pengajaran tersebut, kita boleh menghasilkan seni bina yang lebih eksklusif dengan suntikan tempatan. Perkara ini juga dinyatakan oleh Tun Mahathir Mohamad dan Tan Sri Mubin Sheppard dalam Laporan Seminar ke Arah Identiti Kebangsaan dalam Seni Bina pada tahun 1981.

Antara elemen seni bina tempatan tersebut termasuklah penggunaan reka bentuk bumbung warisan yang diolah ke dalam bangunan pencakar langit, penggunaan bahan konkrit bagi menggantikan kayu untuk elemen

Terdapat juga rumah yang dibina dengan tiang bersaiz besar untuk mengelak daripada haiwan liar seperti gajah. Haiwan ini selalunya akan menyusur di bawah rumah. Semuanya direka bentuk mengikut kesesuaian persekitaran.



Rajah Elemen yang ada pada rumah warisan Melayu dan diaplikasikan pada bangunan moden.

ukiran dan gerbang serta olahan reka bentuk tiang dan rasuk berdasarkan idea rumah warisan yang berpanggung ke dalam bangunan bertingkat. Contoh lain ialah lantai atau dinding di dalam jubin mozek yang direka khas dengan gambaran anyaman kelarai dari tikar mengkuang, atau motif bunga dari tenunan kain.

Idea ini disuarakan oleh ahli yang hadir dalam seminar tersebut dengan harapan agar arkitek memainkan peranan dalam merealisasikannya. Antara beberapa pendekatan inti pati

yang boleh diaplikasikan dalam reka bentuk rumah moden termasuklah mengambil elemen daripada rumah warisan seperti dalam Rajah di atas.

Melalui penjelasan ini, diharapkan masyarakat terutamanya golongan profesional terus menghasilkan idea kreatif yang bersesuaian dengan zaman moden berpandukan contoh yang diberikan di samping menjadi satu daripada usaha untuk mencari identiti kebangsaan yang sebenar. **DB**

Dr. Azreena Abu Bakar merupakan pensyarah di Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia.